

27 JAN 2002

Musa-Pelajar

KEMENTERIAN KAJI WUJUDKAN PERATURAN BARU PELAJAR KE LUAR NEGARA

KEMAMAN, 27 Jan (Bernama) -- Kementerian Pendidikan mengkaji kemungkinan mewujudkan peraturan baru yang mewajibkan pelajar mendapatkan kelulusan kerajaan terlebih dahulu sebelum melanjutkan pelajaran ke negara-negara tertentu seperti Pakistan dan Afghanistan.

Menterinya Tan Sri Musa Mohamad berkata pihaknya merasakan langkah itu perlu dibuat bagi memantau kegiatan pelajar di negara-negara tertentu yang dikhuatiri akan terjebak dengan unsur-unsur militan.

"Untuk itu, kita (Kementerian Pendidikan) sedang menjalankan perbincangan dengan Kementerian Luar bagi menentukan kaedah yang sesuai sebelum peraturan itu dilaksanakan.

"Buat masa ini kita mengkaji bagaimana menentukan pelajar-pelajar yang hendak ke Pakistan itu benar-benar mahu menuntut ilmu yang baik dan kita juga sedang berbincang untuk mengadakan satu kaedah bagi pelajar yang ingin ke Pakistan, mereka hanya dapat ke sana jika mempunyai tauliah tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan penubuhan 31 cawangan Umno yang baru bagi kawasan Parlimen Kemaman di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih di sini, semalam.

Semalam, akhbar melaporkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bimbang dengan kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka belajar agama di negara tertentu sehingga memungkinkan mereka terjebak dalam kegiatan militan.

Musa berkata bagaimanapun agak sukar untuk mengawal pelajar yang ingin ke negara berkenaan kerana pada kebiasaannya pelajar-pelajar berkenaan pergi secara persendirian.

Ketika ditanya mengenai tindakan kementerian terhadap pelajar dari negara berkenaan yang kembali ke Malaysia sebaik tamat pengajian, Musa berkata perkara itu terserah kepada agensi keselamatan.

Terdahulu, dalam ucapan perasmiannya, Musa yang juga Anggota Majlis Tertinggi Umno kesal dengan sikap kerajaan PAS Terengganu yang cuba mempolitikkan institusi pendidikan dalam mentadbir kerajaan negeri.

Beliau berkata kerajaan pusat di bawah pimpinan Umno tidak pernah membezakan sokongan politik dalam memberi faedah pendidikan sama ada di sekolah rendah, menengah atau pusat pengajian tinggi kepada anak-anak anggota dan penyokong PAS.

"Kita tidak kira PAS atau Umno untuk masuk ke mana-mana sekolah dan universiti kerana mereka adalah anak-anak kita sendiri. Kita tidak sekali-kali guna fahaman politik untuk menindas mereka.

"Malangnya itu tidak berlaku kepada PAS, permohonan tanah untuk bina sekolah tidak diberi malah mereka menutup keperluan tadika dan ini menyusahkan masyarakat," katanya.

Beliau berkata kelulusan tapak sekolah baru mungkin tidak penting kepada PAS tetapi Umno, sebagai parti yang memperjuangkan kemajuan pendidikan rakyat, amat kecewa dengan keadaan itu.

-- BERNAMA

SN RHM